

- 1 Logo berikut berkaitan dengan Organisasi Bukan Bermotif Untung (OBBU).



Mengapakah organisasi berkenaan menjual barang pada harga bawah kos?

- A Membantu masyarakat yang kurang mampu
 - B Menghalang pesaing pasaran
 - C Untuk mempromosi barang
 - D Meningkatkan untung jangka masa panjang
- 2 Maklumat di bawah menunjukkan dua jenis perniagaan

KFD Malaysia Berhad

Jamel Force Sdn. Bhd

Apakah kelebihan syarikat KFD Malaysia Berhad?


- A Beban cukai rendah
 - B Syer boleh dipindah milik secara bebas
 - C Laporan kewangan tak perlu diumumkan kepada orang ramai
 - D Liabiliti pemegang saham terhad kepada modal dilabur sahaja
- 3 Maklumat berikut berkaitan Kedai kek Najmi.

Kedai kek Najmi membekalkan kek kepada restoran dan kedai makan di sekitarnya. Kedai ini mempunyai pekerja seramai 15 orang dan jualan tahunan adalah RM750 000.

Kenal pasti saiz dan sektor Kedai Kek Najmi.

Pilihan	Saiz	Sektor
A	Kecil	Utama
B	Sederhana	Kedua dan ketiga
C	Kecil	Kedua dan ketiga
D	Sederhana	Utama

4 Rajah di bawah berkaitan skala perniagaan.



Apakah X?

- A Zon
- B Global
- C Kebangsaan
- D Antarabangsa

5 Sektor manakah yang diberi penekanan bagi mencapai matlamat menjadi negara maju?

- A Sektor pertanian
- B Sektor perindustrian
- C Sektor perkhidmatan
- D Sektor perlombongan

6 Bagaimanakah cara mengatasi masalah trend mendatar dalam perniagaan?

- I Mencari pasaran baharu
- II Meningkatkan daya saing
- III Mengurangkan bilangan pekerja
- IV Menambah baik barang

- A I,II dan III
- B I, II dan IV
- C I,III dan IV
- D II, III dan IV

7 Apakah faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi persekitaran perniagaan?

Pilihan	Faktor Dalaman	Faktor Luaran
A	Teknologi	Undang-undang
B	Sosiobudaya	Pemasaran
C	Pengeluaran	Gaya pengurusan
D	Sumber manusia	Politik

8 Manakah yang bukan kesan perubahan dari aspek pasaran?

- A Lambakan barang import
- B Pembangunan dalam teknologi
- C Perubahan fesyen dan gaya hidup
- D Meningkatkan kualiti barang

9 Antara berikut manakah yang benar tentang ciri objektif perniagaan?

- I Pernyataan khusus
- II Sasaran yang boleh diukur
- III Panduan membuat keputusan
- IV Pernyataan tujuan perniagaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

10 Maklumat dibawah berkaitan sebuah organisasi.

Mengeluarkan barang dan perkhidmatan.
Modal daripada pemilik, pinjaman dan untung perniagaan.


- I Majlis Belia Malaysia
- II Syarikat Bakti Sdn. Bhd
- III Koperasi Runcit Askar
- IV Persatuan Pengakap Kulai

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

11 Penetapan objektif menjurus kepada peluang yang tidak mustahil untuk dicapai. Apakah ciri objektif tersebut?

- A Spesifik
- B Munasabah
- C Boleh capai
- D Boleh ukur

12 Rajah dibawah berkaitan ciri-ciri objektif.



Apakah yang benar tentang tujuan X?

- A Pernyataan perlu dinyatakan secara khusus
- B Pernyataan mesti boleh dicapai
- C Pernyataan perlu menyatakan tarikh
- D Pernyataan mesti berdasarkan sumber syarikat yang ada

13 Antara berikut manakah kesan perubahan objektif dalam sesebuah perniagaan?

- I Dapat mengubah gaya pengurusan
- II Memastikan sasaran dicapai ketika pekerja tidak mencukupi
- III Memastikan permintaan sosiobudaya pelanggan
- IV Pekerja akan menggembleng tenaga sepenuhnya

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

- 14 Apakah kesan perubahan teknologi kepada Visi syarikat?
- A Memudahkan jualan atas talian
 - B Menambahkan persaingan dalam pasaran
 - C Mengurangkan untung perniagaan
 - D Sukar meningkatkan jualan
- 15 Dana Usahawan Muda (YEF) adalah faktor mempengaruhi persekitaran perniagaan dari aspek?
- A Ekonomi
 - B Sosiobudaya
 - C Undang-undang
 - D Sumber kewangan
- 16 Apakah faktor yang mempengaruhi perubahan Visi,Misi dan Objektif syarikat?
- A Sumber manusia
 - B Titik Pulang Modal
 - C Daya saing
 - D Perkhidmatan
- 17 Apakah fungsian yang mengendalikan komunikasi intranet dalam organisasi?
- A Teknologi maklumat
 - B Khidmat pelanggan
 - C Pemasaran
 - D Kewangan

18 Mengapakah pengurus pengeluaran membuat kawalan awalan?

- I Memastikan pengeluaran lancar
- II Memastikan output mengikut piawai
- III Memastikan bahan mentah mengikut spesifikasi
- IV Memastikan pekerja mempunyai kemahiran yang cukup

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

19 Berikut adalah fungsi teknologi maklumat dalam perniagaan.

Teknologi komputer memastikan proses pengeluaran dipantau secara sistematik.

Apakah tujuan penggunaan teknologi maklumat perniagaan di atas?


- A Pemantauan kewangan syarikat
- B Perluasaan pasaran perniagaan tanpa sempadan
- C Menggalakkan jaringan perniagaan dengan pelanggan
- D Mempercepat pengeluaran dan pendedaran

20 Manakah kelebihan interaksi antara fungsian?

- I Modal yang minimum
- II Peningkatkan kos sumber manusia
- III Khidmat untuk pelanggan terpilih sahaja
- IV Mempercepat transaksi aplikasi e-dagang

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

21. Rajah berikut berkaitan dengan satu struktur organisasi dalam perniagaan.



Apakah signifikan pembentukan struktur organisasi tersebut ?

- A. Diwujudkan berdasarkan keperluan pelanggan
- B. Diwujudkan berdasarkan kawasan pasaran
- C. Diwujudkan bagi memudahkan pengurusan operasi produk
- D. Diwujudkan berdasarkan fungsi utama dalam organisasi

22. Antara yang berikut, aspek manakah mampu meningkatkan kecekapan pengelolaan sumber manusia dalam pembangunan perniagaan?

- I Mengagihkan tugas mengikut kemampuan
- II Menetapkan prosedur operasi standard (SOP) tugas
- III Menjalankan program motivasi
- IV Mewujudkan hubungan yang harmoni

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan IV
- D. III dan IV

23. Pernyataan berikut merupakan prosedur pengurusan yang diperlukan dalam operasi sesebuah perniagaan.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Perlindungan insurans kebakaran dan kecurian• Penyelenggaraan dan baik pulih peralatan dan mesin |
|---|

Prosedur pengurusan tersebut melibatkan prosedur pengurusan sumber

- A. fizikal
- B. manusia
- C. teknologi
- D. pembiayaan

24. Antara yang berikut, yang manakah sumber teknologi dalam operasi sesebuah perniagaan?

- I Tepung gandum
- II Komputer
- III Perisian komputer
- IV Karya muzik

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

25. Perusahaan Otomobil Kedua Sendirian Berhad (PERODUA) merupakan syarikat yang mempunyai pengurusan sumber fizikal dan teknologi yang kukuh.



Yang manakah **tidak berkaitan** dengan pengurusan sumber fizikal dan sumber teknologi bagi syarikat PERODUA ?


- A. Peralatan teknologi dan komunikasi
 - B. Harta intelek
 - C. Kemahiran dan Pengalaman
 - D. Lesen perisian
26. Yang manakah antara berikut sebahagian daripada sumber pembiayaan luaran?
- A. Rizab
 - B. Modal permulaan
 - C. Simpanan peribadi
 - D. Modal daripada keuntungan
27. Berikut merupakan huraian sumber pembiayaan bagi dua jenis sumber pembiayaan.

J	Peniaga memindahkan tugas pengutipan hutang daripada pelanggan kepada pihak lain
K	Kemudahan yang membolehkan pemegang akaun semasa mengeluarkan wang melebihi jumlah simpanan dalam akaun semasa mereka

Apakah **J** dan **K**?

	J	K
A	Syer	Pajakan
B	Pemfaktoran	Pajakan
C	Pemfaktoran	Overdraf
D	Syer	Overdraf

28. Maklumat berikut berkaitan penyata kewangan.



Apakah **F**?

- A. Liabiliti
- B. Ekuiti pemilik
- C. Aset semasa
- D. Aset bukan semasa

29. Berikut adalah maklumat perniagaan Kaliaammah?

Aset semasa dan liabiliti semasa perniagaan dapat menilai kecekapan perniagaan membayar hutangnya.
--

Apakah nisbah asas yang dapat menilai keupayaan perniagaan tersebut?

- A. Pusing ganti stok
- B. Nisbah semasa
- C. Pusing ganti aset
- D. Margin untung kasar

30. Maklumat berikut berkaitan dengan kegunaan analisis nisbah.

Harga jualan Tudung Soffea Salsabila diperolehi dengan menambahkan 30 % dari harga kosnya

Antara yang berikut, analisis nisbah manakah yang sesuai digunakan bagi mendapatkan keputusan perniagaan tersebut?

- A. Peratus margin untung kasar
- B. Peratus margin untung bersih
- C. Peratus untung tokokan
- D. Peratus pulangan atas modal

31. Maklumat berikut berkaitan dengan satu nilai nisbah kecairan yang telah diperolehi.

Nisbah Semasa

10 : 1

Apakah yang dimaksudkan dengan nilai tersebut?

- A. Setiap RM 1 jualan bersih, perniagaan telah memperoleh sebanyak RM 10 keuntungan kasar
- B. Setiap RM 1 jualan bersih, perniagaan telah memperoleh sebanyak RM 10 keuntungan bersih
- C. Setiap RM 1 modal yang dilaburkan, perniagaan telah memperoleh sebanyak RM 10 keuntungan bersih
- D. Setiap RM1 liabiliti semasa, perniagaan memiliki aset sebanyak RM 10 untuk menjelaskannya

32. Manakah huraian yang berkaitan dengan aspek Promosi (*promotion*) dalam campuran pemasaran bagi memulakan sesuatu perniagaan ?
- A. Memastikan perniagaan memperoleh keuntungan
 - B. Menyedarkan pengguna akan kewujudan barang
 - C. Membolehkan barang mampu berdaya saing
 - D. Membolehkan output diperoleh pengguna
33. Antara yang berikut yang manakah **bukan** satu kelebihan berniaga sebagai satu peluang kerjaya dari aspek keberuntungan perniagaan ?
- A. Penggunaan peralatan dan teknologi terkini
 - B. Melaksanakan tanggungjawab sosial
 - C. Memberi kepuasan kepada usahawan
 - D. Meluaskan pasaran
34. Maklumat berikut berkaitan dengan proses penubuhan perniagaan.

Perniagaan yang meliputi tiap-tiap bentuk trend, perdagangan, pertukangan, pekerjaan, profesion atau apa-apa aktiviti yang bermatlamatkan keuntungan adalah perlu didaftarkan

Antara yang berikut, akta manakah yang sesuai dengan pernyataan di atas?

- A. Akta Pendaftaran Tred 1998 (pindaan 2012)
- B. Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012
- C. Akta Syarikat 2016
- D. Akta Pendaftaran Perniagaan 1956

35. Antara yang berikut yang manakah **bukan** satu tanggungjawab yang perlu dipatuhi usahawan setelah perniagaan didaftarkan ?

- A. Mempamerkan bukti cukai pintu
- B. Mempamerkan papan tanda perniagaan
- C. Memastikan nama perniagaan tertera pada dokumen perniagaan
- D. Mendaftarkan perubahan maklumat perniagaan dalam tempoh 30 hari

36. Pilih pasangan yang betul.

	Dokumen	Keterangan
A	Penyata transaksi bank	Dokumen yang mengandungi catatan kos operasi perniagaan.
B	Rekod ambilan dan modal	Catatan ambilan oleh pemilik untuk kegunaan sendiri.
C	Rekod kos operasi	Catatan aktiviti pembelian barang niaga.
D	Rekod pembelian	Dokumen yang mencatat semua rekod belian dan rekod jualan oleh perniagaan.

37. Maklumat berikut diambil daripada penyata aliran tunai Pn Fatihin yang bercadang memulakan perniagaan kosmetik pada Oktober 2020.

	RM
Modal:	
Tunai di tangan	150 00
Peralatan	120 00
Penerimaan	275 00
Pembayaran	183 00

Berapakah baki akhir bulan Oktober 2020?

- A. RM 192 00
- B. RM 222 00
- C. RM 242 00
- D. RM 262 00

38. Dokumen berikut merupakan format penyata aliran tunai.

Butik Tudung AisyaAlexendra

Penyata Aliran Tunai bagi tiga bulan berakhir 30 Jun 2020

Butiran	Apr	Mei	Jun
Baki b/b			
<u>Terimaan</u>			
T			
<u>Bayaran</u>			
U			

Apakah contoh item bagi **T** dan **U**?

	T	U
A	Penerimaan dari Penghutang	Perbelanjaan sewa
B	Jualan Tunai	Komisen diterima
C	Belian Tunai	Modal
D	Gaji	Belanja utiliti

39. Manakah antara butiran yang terdapat dalam penyata aliran tunai?

- A. Belian stok secara tunai
- B. Modal
- C. Ekuiti pemilik
- D. Aset bukan semasa

40. Manakah antara berikut yang **tidak** terkandung di dalam ringkasan eksekutif rancangan perniagaan ?

- A. Gaji dan imbuhan pekerja
- B. Kegiatan utama perniagaan
- C. Nama perniagaan
- D. Maklumat pemilik

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT